

# Othman Saat antara 7 dilucut gelaran Datuk

# SULHAN TITAH SEMPINGAT

**JOHOR BAHRU, Isnin** — Sultan Johor menarik balik semua bintang darjah kebesaran dan pingat yang dianugerahkan kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat, oleh Almarhum Sultan Ismail.

Tan Sri Haji Othman yang menyerahkan kembali kesemua bintang darjah kebesaran dan pingat hari ini, berkata, beliau tidak berkecil hati di atas penarikan tersebut, malah menyerahkannya kembali dengan rela dan hati terbuka.

Selain Tan Sri Haji Othman, enam orang lagi, termasuk tiga bekas Exco Kerajaan Negeri Johor, juga ditarik balik gelaran Datuk mereka.

Mereka ialah bekas Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Enkik Abdullah Sudin yang pernah memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, bekas Pengerusi Jawatankuasa Unit Penyertaan Bumiputera, Enkik Jaafar Hamzah, bekas Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Belta dan Sukaka, Enkik Abdul Rahman Sabri.

Ketiga-tiganya tidak berunding semula dalam pilihanraya Umum bulan lalu.

Yang lain ialah bekas Setiausaha Peribadi Tan Sri Haji Othman, Enkik Rauf Ramli, bekas Pengurus Besar Kejora, Enkik Mohamad Rahman dan Pengurus Wilayah Selatan, Lembaga Letrik Negara (LLN) Enkik P.S. Moorthy.

Kesemua mereka telahpun menyerahkan darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran yang telah dikurniakan kepada mereka kepada Sultan Johor, Sultan Iskandar Al Hal.

Darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran yang diserahkan balik oleh Tan Sri Haji Othman ialah Darjah Kerabat Johor (D.K.), Darjah Dato Sri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Darjah Dato Sri Setia Sultan Ismail Johor (S.S.I.J.), Pingat Ibrahlim Sultan (P.I.S.) dan Bintang Sultan Ismail (B.S.I.).

Darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran ini diserahkan oleh Tan Sri Haji Othman kepada wakil-wakil Sultan Johor, Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Sulaiman Mohd Nor dan Setiausaha Datuk Sultan Johor, Datuk Sulaiman

Mohd Salleh di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana, jam 10.45 pagi tadi.

Tan Sri Haji Othman ketika ditemui selepas penyerahan darjah dan bintang-bintang kebesarannya berkata, beliau tidak berkecil hati atas penarikan tersebut.

Malah beliau menyerahkannya kembali dengan rela dan terbuka hati, katanya.

**LIHAT MUKA 17**

## Minta tukar nama kampung

**JOHOR BAHRU, Isnin**

Tan Sri Haji Othman Saat hari ini meminta supaya menukarkan nama "Kampung Datuk Othman Saat" di sini kepada nama yang lain.

Katanya, nama kampung tersebut melaiah ditukar kerana gelaran "Datuk" kepadanya yang dikurniakan oleh Sultan telah ditarik balik.

Sultan Johor menarik balik semua bintang kebesaran dan gelaran yang dikurniakan kepada Tan Sri Haji Othman hari ini.

Kampung Datuk Othman Saat itu terletak berhampiran kawasan Kampung Majdeh kira-kira 64 km dari bandar Johor Bahru.

Kawasan itu yang merupakan perkampungan dengan diberi nama tersebut pada tahun 60an sebagai Tan Sri Haji Othman dilantik menjadi Menteri Besar, menggantikan Datuk Haji Hassan Yunus. — Bernama.



**MENTERI** Besar Johor yang baru, Enkik Ajib Ahmad (kanan) berlanam dengan bekas Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat di kediaman rasmi Menteri Besar di Johor Bahru, semalam. Dalam pertemuan sejam itu, Tan Sri Othman menyerahkan tugas sebagai Menteri Besar kepada Enkik Ajib yang mengambil alih jawatan itu sejak semalam. Selepas perjumpaan itu, Enkik Ajib memulakan tugas di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Bukit Timbalan dengan menemuai para pegawai di situ. — Gambar Berita Harian.

## Dua wanita mati lemas

**PONTIAN, Isnin** — Dua wanita mati lemas dalam sebuah tallair di Kampung Melayu, Pontian Besar Kiri di sini tengahari semalam. Kedua mereka, Zaleha

binti Mohd Salleh, 48 tahun dan Mah binti Abdul Hamid, 56 tahun, dikatakan pergi mencari siput di sebuah tallair tidak jauh dari rumah mereka kira-kira jam 11

pagi. Mayat mereka ditemui terapung-apung dalam jarak kira-kira 2 meter antara satu sama lain, empat jam setengah kemudian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



ENKIK ABD. RAHMAN SABRI



ENKIK JAAFAR HAMZAH



ENKIK ABDULLAH SUDIN

# Haji Othman serahkan semua pingat

● DARI MUKA 1

Menurutnya, selama 15 tahun menjadi Menteri Besar Johor dan beberapa tahun sebelum itu, sebagai Exco Kerajaan Johor, tidak pernah terlintas dihatinya berbakti kepada kerajaan dan rakyat Johor kerana semata-mata untuk mendapatkan kemuliaan dalam bentuk darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran.

"Bagi saya, cukuplah kalau rakyat menghargai dan mengingati sedikit sebanyak bakti yang saya buat untuk memajukan kerajaan Johor," kata beliau lagi.

Menurut beliau, darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran tersebut telah dikurniakan kepada beliau oleh Almarhum Sultan Ismail tanpa dimintaminta.

Sebagai rakyat negeri

Johor yang taat setia kepada Sultannya, beliau menerima anugerahanugerah tersebut dengan rendah hati.

"Kini saya menyerahkan kesemua darjah dan bintang-bintang kebesaran ini kembali kepada Sultan Johor, Sultan Iskandar Al Haj juga dengan rela dan rendah hati," kata beliau.

Sultan Johor, Sultan Iskandar Al Haj, menurut Tan Sri Haji Othman telah menitahkan beliau menyerahkan kembali semua anugerah kebesaran yang telah dikurniakan kepada beliau.

Titah tersebut, menurut beliau, dijunjungnya dan bersedia menyerahkannya kembali kepada Sultan Johor menerusi wakil-wakil baginda.

Tan Sri Haji Othman berharap rakyat Johor janganlah memanggil beliau dengan gelaran

"Datuk" kerana gelaran itu telahpun dilucutkan dari beliau.

Bagaimanapun, Tan Sri Haji Othman masih mempunyai lagi gelaran "Tan Sri" kurniaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Mengenai bila beliau menerima darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran Johor, Tan Sri Haji Othman berkata, beliau tidak ingat bila.

Bagaimanapun, katanya, kesemua darjah-darjah dan bintang-bintang kebesaran itu diterimanya dari Almarhum Sultan Ismail.

Almarhum Sultan Ismail, kata beliau, mengurniakan darjah-darjah kebesaran DK, SPMJ dan DSLJ semasa beliau menjadi Menteri Besar Johor dan bintang-bintang kebesaran PIS dan BSI semasa menjadi wakil rakyat biasa.